

SH 16/1/2020 m/s 33

APMM rampas 21 bubu naga di perairan Kuala Perlis

KUALA PERLIS - Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perlis merampas 21 bubu naga yang dipasang di tiga lokasi berbeza sekitar 0.6 hingga 1.1 batu nautika dari barat laut Kuala Perlis kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakaria berkata, penemuan bubu naga itu kira-kira jam 2.30, 3 dan 3.30 petang di perairan Kuala Perlis itu merupakan rampasan pertama bagi Zon Maritim Kuala Perlis pada tahun ini.

"Sebuah bot peronda APMM telah diaturgerakkan ke lokasi tersebut untuk

merampas bubu naga berkenaan berdasarkan maklumat orang awam.

"Bubu naga berkenaan dipasang di lokasi yang menjadi lubuk untuk mendapatkan hasil laut oleh nelayan tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, modus operandi yang digunakan oleh nelayan berkenaan adalah dengan memasang pelampung sebagai penanda bubu naga yang ditinggalkan.

"APMM memandang serius walau-pun telah banyak rampasan bubu naga dilakukan sebelum ini.

"Sikap tamak menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan bukan sahaja menyekat rezeki nelayan tempatan malahan turut menggugat pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata, mereka yang melakukannya kesalahan itu boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

Kesemua bubu terbabit dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Pihak APMM akan terus membuat

rondaan dan pemantauan di sempadan dan perairan negara dari semasa ke semasa untuk mencegah aktiviti penyeludupan, pencerobohan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebuah barang kes penyeludupan dan jenayah maritim di perairan negeri ini boleh menghubungi APMM di talian 24 jam iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-985 1072 atau 04-985 1162. - Bernama